



SOALAN LAZIM (FAQ)

.....

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika seseorang memberitahu saya mengenai isu kualiti produk?

.....

J: Jika kita sedar tentang kesan yang tidak diingini terhadap pengguna yang terjadi semasa menggunakan produk Abbott, kita mesti melaporkannya kepada individu atau kumpulan bersesuaian dalam lingkungan Abbott. Kita mesti melaporkan kejadian buruk yang melibatkan sebarang produk kita dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh prosedur bahagian kita, walaupun kita tidak pasti sama ada wujud hubungan sebab dan akibat antara produk dengan “kejadian” itu.

.....

S: Apakah yang dikehendaki oleh dasar dan prosedur Abbott berkenaan dengan promosi produk?

.....

J: Salah satu prinsip sejagat yang penting berkaitan dengan promosi produk adalah kita tidak boleh mempromosikan atau melakukan jualan produk terlebih dahulu sebelum diluluskan atau diberi pelepasan oleh badan pengawalaturan yang berkaitan untuk lokasi dan kegunaan yang dibincangkan. Jika ahli profesional penjagaan kesihatan bertanya mengenai kegunaan produk Abbott yang melangkaui skop pelabelan yang diluluskan (ada kalanya dirujuk sebagai “penggunaan tidak diluluskan”), pertanyaan itu perlu diajukan kepada pihak yang dilantik untuk menangani pertanyaan sebegitu dalam bahagian anda, biasanya pihak Hal Ehwat Perubatan.




SOALAN LAZIM (FAQ)

S: Mengapakah saya perlu melaporkan kebimbangan?

J: Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengamalkan nilai-nilai kita setiap hari. Itu termasuklah mengekalkan dialog terbuka dengan mengajukan soalan apabila kita tidak tahu perkara yang perlu dilakukan dan melaporkan kebimbangan berkaitan dengan aktiviti perniagaan kita. Menyuarakan kebimbangan tentang ketidakpatuhan menandakan komitmen berterusan kita untuk bertindak secara beretika dalam semua aspek perniagaan kita dan memupuk budaya pematuhan. Tindakan anda boleh mencetuskan perubahan yang bermakna.

S: Bagaimanakah jika saya menghadapi tindakan balas?

J: Pihak syarikat melarang sama sekali untuk sebarang tindakan balas kepada sesiapa yang menyuarakan kebimbangan. Aduan yang dibuat dengan niat baik tidak akan mendedahkan anda kepada sebarang sekatan, tidak kira sama ada fakta yang mendasari aduan itu dibuktikan benar atau tidak. Jika anda percaya anda menghadapi sebarang bentuk tindakan balas, sila laporkannya untuk disiasat oleh pihak syarikat.





SOALAN LAZIM (FAQ)

S: Saya bekerja di bahagian Kewangan dan, disebabkan oleh prestasi akademik saya, saya sering berhubung dengan dunia akademik. Sebuah Universiti ada menghubungi saya untuk meminta saya mengajar kelas Analisis dan Penilaian Penyata Kewangan. Saya sudah membincangkannya dengan pengurus saya, dan kami bersetuju bahawa tugas tersebut mempunyai fungsi yang langsung tidak bergantung pada tugas saya di Abbott dan jadual kerja itu tidak mengganggu kerja saya di Abbott, malah ia tidak memerlukan pendedahan maklumat sulit daripada Abbott. Adakah ini konflik kepentingan?

J: Memandangkan pekerjaan luar boleh menimbulkan konflik kepentingan, anda bertindak betul dengan mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan dan berbincang dengan pengurus anda. Selepas anda berunding dengan pengurus anda, menilai situasi itu bersama-sama dan menentukan bahawa tugas baharu itu tidak menjejaskan prestasi tugas untuk Abbott, situasi ini tidak akan dianggap sebagai konflik kepentingan.

S: Bolehkah saya menggunakan komputer kerja saya untuk membeli-belah dalam talian semasa musim perayaan?

J: Dasar Abbott membenarkan kakitangan menggunakan komputer Abbott untuk kegunaan peribadi sebegini selagi ia berbentuk sampingan dan tidak bercanggah dengan



SOALAN LAZIM (FAQ)

tanggungjawab kerja. Lihat Dasar Penggunaan Elektronik Abbott untuk maklumat lanjut.

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya secara tidak sengaja menghantar senarai nama dan alamat e-mel pesakit kepada penerima e-mel luar yang salah?

J: Nama pesakit dan maklumat lain bagi pesakit dianggap sebagai maklumat sensitif yang perlu kita lindungi. Jika maklumat sedemikian telah terjejas dalam sebarang cara, anda perlu mematuhi proses dalaman untuk memaklumkan pihak berkepentingan dalaman yang berkenaan mengenai insiden itu. Anda perlu menghubungi Kaunter Perkhidmatan Global Abbott untuk melaporkan insiden ini.

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menerima panggilan atau pertanyaan dalam talian daripada seseorang yang bertanya mengenai berita terkini daripada Abbott? Orang yang menghubungi saya itu kedengaran sangat profesional dan menyatakan beliau sedang menjalankan kaji selidik formal dalam industri penjagaan kesihatan mengenai perkembangan industri semasa. Adakah saya dibenarkan untuk mengambil bahagian?

J: Memberikan maklumat bukan awam mengenai perniagaan Abbott mungkin menimbulkan masalah. Sesetengah orang yang menghubungi Abbott untuk maklumat sebegini cuba mengumpulkan maklumat daripada sumber yang berbeza untuk mendapatkan pandangan orang dalam mengenai perkembangan syarikat kita. Anda perlu mengekalkan kerahsiaan maklumat kerja



SOALAN LAZIM (FAQ)

anda sehinggalah Abbott bersedia untuk menyiarkan penyata kewangannya atau maklumat lain mengenai perniagaan kita. Pastikan anda tahu perbezaan antara maklumat yang dianggap sulit dengan yang bukan sulit dalam konteks maklumat yang berkaitan dengan kerja anda. Jika anda ada soalan, hubungi pengurus anda, OEC atau bahagian Undang-undang. Rujuk pertanyaan akhbar kepada Hal Ehwal Awam.

S: Bagaimanakah saya dapat membezakan antara sogokan dengan pembayaran yang sah untuk mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan, contohnya apabila saya mahu memohon visa atau mendapatkan pelepasan kastam secara “pantas”?

J: Terdapat beberapa perbezaan termasuk jumlah dokumen dan sama ada pilihan yang sama sentiasa disediakan untuk semua pemohon. Yuran untuk pilihan “pantas” yang sah biasanya disiarkan berserta dengan yuran yang telah ditetapkan, dan diiringi dengan dokumen standard yang jelas seperti borang permohonan serta resit daripada entiti pengeluar fi. Dasar dan prosedur Abbott tidak membenarkan “bayaran pemudahan”, yang berbeza daripada pilihan “pantas” yang sah. Jika anda tidak pasti sama ada pembayaran untuk mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan dibenarkan atau tidak, anda perlu menghubungi pengurus anda, OEC atau Undang-undang.



SOALAN LAZIM (FAQ)

S: Semasa cuti perayaan kebangsaan atau keagamaan, bolehkah kita memberikan tanda penghargaan budaya kepada ahli profesional penjagaan kesihatan?

J: Tanda penghargaan budaya yang berkaitan dengan cuti perayaan kebangsaan atau keagamaan boleh diberikan di pelbagai lokasi, dengan syarat ia dibenarkan oleh prosedur setempat dan tidak melebihi had monetari. Anda perlu merujuk dasar OEC setempat untuk menentukan item yang boleh diberikan, jika ada.

S: Saya menerima hadiah daripada seorang pembekal semasa cuti perayaan, dan saya tidak pasti sama ada saya boleh menerimanya atau tidak. Apakah yang perlu saya lakukan?

J: Ia bergantung pada jenis hadiah itu, nilainya, dan budaya sesuatu negara. Jika nilai hadiah yang anda terima itu bukannya kecil, anda tidak dibenarkan menerimanya dan perlu memulangkannya kepada pembekal dengan penjelasan bahawa dasar kita tidak membenarkan kakitangan menerima hadiah yang mahal. Sebaliknya, jika nilai hadiah itu sederhana dan dianggap munasabah berdasarkan budaya negara tersebut, anda boleh menerimanya, dan pendekatan terbaik yang boleh diambil adalah berkongsi hadiah itu dengan kakitangan jabatan, jika hadiah itu boleh dikongsi. Dalam kedua-dua kes, ketelusan merupakan elemen penting dalam keadaan sedemikian. Oleh itu, anda perlu memaklumkan pengurus anda mengenainya dan, jika ada sebarang pertanyaan lanjut, anda perlu menghubungi jabatan Pembelian Abbott.



SOALAN LAZIM (FAQ)

S: Semasa melawat ahli profesional penjagaan kesihatan atas urusan perniagaan, wakil jualan ditanya oleh ahli profesional penjagaan kesihatan jika mereka boleh membincangkan topik perniagaan semasa makan tengah hari. Adakah ini dibenarkan menurut Kod Pengendalian kita?

J: Di kebanyakan negara, perbualan mengenai perniagaan semasa jamuan makan dengan ahli profesional penjagaan kesihatan adalah dibenarkan. Anda perlu merujuk prosedur OEC setempat anda bagi mengetahui syarat dan had monetari.

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya sedar bahawa seseorang telah mewujudkan akaun “tidak rasmi” berasingan yang belum dilaporkan kepada jabatan Kewangan?

J: Anda perlu melaporkan perkara ini kepada OEC, bahagian Undang-undang atau Kewangan supaya ia boleh disemak.

S: Ada banyak undang-undang di seluruh dunia dan di negara saya, bagaimana saya boleh tahu undang-undang manakah yang perlu saya patuhi dan apakah perkara yang dinyatakan dalam undang-undang ini?

J: Dasar dan prosedur Abbott dikemas kini secara kerap untuk mencerminkan semua perubahan undang-undang dengan tepat. Pastikan semua dasar yang berkaitan dipatuhi dan ajukan sebarang soalan anda kepada OEC atau bahagian Undang-undang. Dirijase a OEC o Legal si tiene alguna pregunta.

